



KETUA PENGARAH
Unit Pemodenan Tadbiran Dan
Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Jabatan Perdana Menteri
 Aras 6, Blok B2
 Kompleks Jabatan Perdana Menteri
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
 62502 PUTRAJAYA
 MALAYSIA

MAMPU

Tel : 603-8000 8000
 Faks : 603-8888 3163
 Portal Rasmi : www.mampu.gov.my
 E-mel : kp@mampu.gov.my

5

MAMPU.BTSA.100-19/1 Jld.7 (22)

16 Mac 2013

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
 Semua Ketua Jabatan Persekutuan
 Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
 Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan
 dan Negeri
 Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan



YBhg./YB Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING AM BILANGAN 1 TAHUN 2013:
 PENYERAGAMAN FORMAT KEPALA SURAT BAGI
 KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI PERSEKUTUAN**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg./YB Tan Sri/
 Datuk/Dato'/Tuan/Puan mengenai perkara di atas.

2. Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua
 Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2012 telah mengambil maklum
 akan fenomena wujudnya kepelbagaian format kepala surat
 Kementerian/Jabatan/Agensi Persekutuan khususnya dari segi
 penggunaan logo dan moto agensi. Perkembangan ini berlaku
 berikutan gelombang transformasi yang menekankan peningkatan
 imej korporat dan semangat kekitaan warga organisasi. Walaupun
 perkembangan ini dilihat sebagai sesuatu yang positif, ia telah
 menimbulkan ketidakpatuhan terhadap perkara-perkara yang
 ditetapkan dalam Surat Pekeliling Am Bilangan 8 Tahun 1980:
 "Penyeragaman Kepala Surat Kementerian-Kementerian dan
 Jabatan-Jabatan Persekutuan".

3. Menyedari perkembangan ini dan sebagai langkah
 penyesuaian kepada keperluan-keperluan Kementerian/Jabatan/
 Agensi Persekutuan seperti penambahan logo, moto, anugerah dan



BERSAMA MELAKSANA TRANSFORMASI



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008 NO SIJIL: KLR 0500331

pengiktirafan yang diterima, MAMPU telah mengambil tindakan untuk menyediakan pekeliling baharu bagi menyeragamkan format kepala surat Kementerian/Jabatan/Agensi Persekutuan dengan mengambil kira keperluan dan perkembangan semasa.

4. Sehubungan dengan itu, sukacita bersama-sama ini dilampirkan Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2013: "Penyeragaman Format Kepala Surat Bagi Kementerian/Jabatan/Agensi Persekutuan" untuk perhatian dan tindakan lanjut YBhg./YB Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan. Surat Pekeliling Am ini juga boleh dimuat turun dari Portal MAMPU.

5. Selaras dengan penguatkuasaan Surat Pekeliling Am ini, maka **Surat Pekeliling Am Bilangan 8 Tahun 1980: "Penyeragaman Kepala Surat Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Persekutuan"** adalah dimansuhkan. Walau bagaimanapun bagi mengelakkan pembaziran, penggunaan format dan reka bentuk kepala surat yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Am ini boleh dilaksanakan secara berperingkat-peringkat iaitu apabila Kementerian/Jabatan/Agensi Persekutuan telah menghabiskan simpanan kepala surat sedia ada.

6. Kerjasama YBhg./YB Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan dengan hormatnya adalah dipohon untuk mengambil perhatian akan keputusan pelaksanaan pekeliling tersebut.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' MOHAMAD ZABIDI ZAINAL)

s.k.:

YBhg. Dato' Sri Dr. Ali Hamsa
Ketua Setiausaha Negara
Aras 4, Blok Timur
Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA